

# Temu duga SL1M tawar 15,000 kerja di Sabah

BH 23.7.2017 17

**Kota Kinabalu:** Temu duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) peringkat negeri Sabah yang diadakan semalam hingga hari ini, di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS), menawarkan sehingga 15,000 peluang pekerjaan.

Ketua Sekretariat SL1M, Norashikin Ismail, berkata ia berdasarkan permintaan menggalakkan daripada majikan yang memerlukan ramai pekerja untuk syarikat mereka dengan Pihak Berkusa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Johor menawarkan sehingga 10,000 pekerjaan.

"Pada mulanya kira-kira 5,000 peluang pekerjaan ditawarkan pada program di Sabah ini, namun pihak IRDA menawarkan sehingga 10,000 kekosongan dan ini menjadikan 15,000 peluang pekerjaan boleh direbut belia Sabah."

## Cari pekerjaan

"Sehubungan itu, saya berharap belia di negeri ini khususnya lepasan sekolah dan graduan yang mencari pekerjaan memanfaatkan sepenuhnya program ini," katanya ketika ditemui pada program berkenaan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMS, Profesor Dr D Kamaruddin D Mudin serta Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS,

**Orang ramai  
menyerbu  
tapak Program  
Temu Duga  
Terbuka SL1M**  
di Dewan  
Canselor, UMS di  
Kota Kinabalu,  
semalam.

Profesor Madya Dr Ismail Ali.

Norashikin berkata, sambutan program ini menggalakkan dengan jumlah kehadiran mencecah hingga 15,000 orang berbanding sasaran awal 10,000 orang.

Katanya, sebanyak 43 syarikat dari seluruh negara mengambil bahagian

dengan 48 booth temu duga disediakan selain beberapa aktiviti sampingan diadakan, termasuk taklimat kerjaya dan sesi motivasi juga persembahan artis tempatan seperti Faisal Tahir, Jimmy Palikat, Firman AF dan Kumpulan Zero Maharaja Lawak.

Norashikin berkata, sejak dilaksanakan tujuh tahun lalu, program Temu duga Terbuka SL1M berjaya membantu 1,407 orang di Sabah mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor dan ia dijangka meningkat berdasarkan bilangan majikan yang bertambah.



[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]